

20 APR 1996

Osman - Saham

OSMAN SARAN RAKYAT MELABUR DALAM SAHAM AMANAH

JITRA, 20 April (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff hari ini menyarankan supaya rakyat yang tidak mempunyai pendapatan tetap melabur dalam saham amanah.

Menurutnya, langkah itu penting bagi menjamin sumber kewangan mereka pada masa depan sebagaimana yang diperolehi pekerja bergaji melalui Kumpulan Wang Simpanan Perkeja.

"Mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap termasuk petani perlu melabur dalam saham amanah kerana pembabitan golongan itu adalah berkurangan," katanya semasa melancarkan Gerak Mesra dan Hari Terbuka Radio Televisyen Malaysia (RTM) daerah Kubang Pasu di sini.

Osman berkata, pelaburan terutamanya dalam Amanah Saham Kedah (ASK) adalah menguntungkan kerana harga sahamnya sentiasa naik.

Amanah Saham Kedah Berhad akan mempertingkatkan kempen pelaburannya dan penduduk terutamanya di kawasan luar bandar perlu merebut peluang berkenaan, katanya.

Katanya, para pelajar juga perlu melabur dalam ASK sebagai tabungan untuk perbelanjaan pendidikan mereka pada masa depan.

Osman juga mengingatkan rakyat di negeri ini supaya mempertingkatkan kesedaran untuk mewujudkan lebih perpaduan di kalangan pelbagai kaum bagi meningkatkan pembangunan negara.

Kira-kira 1,000 orang hadir pada pelancaran peringkat daerah itu setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan program Gerak Mesra peringkat negeri Kedah di Sungai Petani bulan lepas. -- Bernama.

BD AHH